

# GABENOR BANK ENGLAND PUJI PIMPINAN MAHATHIR

LEEDS CASTLE 26 Sept. — Gabenor Bank England, Encik Robin Leigh — Pemberton telah memuji Malaysia di bawah pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang telah dapat memberi berbagai insentif kepada pelabur - pelabur asing hingga berjaya menggandakan pelaburan asing ke negara itu di dalam separuh penggal tahun ini yang boleh menjadi contoh kepada negara - negara membangun yang lain.

Beliau berkata, kejayaan negara itu adalah hasil, daripada lima faktor utama yang pernah disarankan oleh Perdana Menteri Malaysia di dalam persidangan kewangan antarabangsa di Hong Kong dalam tahun 1985.

Lima faktor utama yang pernah disarankan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir, katanya, ialah mengamalkan sistem perusahaan dan pasaran terbuka, komitmen kepada dasar berbentuk eksport, pembangunan pertanian dan pengeluaran, pencapaian tinggi di dalam kadar simpanan dan kesediaan untuk menyesuaikan dasar kepada keadaan semasa.

- Dasar pasaran terbuka yang diamalkan oleh Malaysia adalah sebagai besi berani kepada pelaburan asing yang mana ia boleh menyumbangkan kepada pertumbuhan serta menggalakkan penukaran teknologi dan kepakaran pengurusan.

- Pencapaian Malaysia dalam menggandakan pelaburan asing melalui bidang pengeluaran bagi setengah tahun ini khususnya adalah sungguh membanggakan."

MM 27 SEP 1987  
Rawatan ekonomi

ini sebagai  
radikal — Robin

Berucap di majlis makan malam sempena mesyuarat bersama Persatuan British / Malaysia dan Malaysia / British di sini malam kelmarin, Encik Robin menarik perhatian bahawa banyak negara bukan saja negara - negara membangun pernah menyifatkan rawatan ekonomi ini sebagai radikal, tapi mereka harus menimbangkan kepada faedah - faedah yang diperolehi.

Katanya, banyak kerajaan dari kawasan Asia - Pasifik lebih komit kepada dasar pasaran ekonomi terbuka atau ada yang masih di dalam proses untuk mengubahsuaikan penglibatan kerajaan - kerajaan negeri kepada perusahaan yang dilaksanakan oleh sektor swasta.

Bagaimanapun, beliau mengaku terdapat masalah khususnya dari segi sekatan yang dihadapi oleh negara - negara membangun apatah lagi sekatan yang dikenakan oleh negara - negara maju, sedang-

kan negara - negara itu sedang cuba mengembangkan ekonomi masing - masing.

"Tapi, hanya pengawalan saja tidak akan menguntungkan dan oleh itu saya percaya ini juga tidak akan membawa faedah kepada semua pihak," tegasnya.

Encik Robin berkata, sebagai seorang petani beliau juga berasa bangga atas seranan Dr. Mahathir supaya mengembangkan bidang pertanian sebagai ekonomi utama.

Beliau merasa terpegun dengan cara beberapa buah negara di Asia yang telah menjadikan bidang pertanian sebagai usaha mempelbagaikan bahan - bahan eksport mereka.

Malaysia, sebagai contoh telah berjaya menggunakan bekalan getahnya yang banyak bagi mempelbagaikan pengeluaran mereka.

Indonesia juga yang melancarkan revolusi pertanian mereka telah berjaya mengubahkan negara itu sebagai pengimport beras utama kepada negara pengekspornya.

Penyimpanan yang tinggi juga telah membolehkan negara - negara membangun di Asia Timur misalnya dapat berdikari untuk membangunkan negara mereka.

Encik Robin di dalam ucapan panjang lebarnya juga telah menarik perhatian kepada cadangan Datuk Sri Dr. Mahathir di dalam soal kesediaan negara - negara membangun untuk menyesuaikan dasar mengikut keadaan semasa.

Katanya, cadangan Perdana Menteri Malaysia itu tidak ragu - ragu telah dapat mengukuhkan kestabilan ekonomi di rantau timur jauh.

Tanggungjawab ke atas dasar belanjawan dan kewangan bukan saja dapat menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi, tetapi juga dapat melihara masalah luaran yang mengejutkan.

Katanya, Malaysia adalah sebagai contoh yang baik yang mana kadar inflasi mereka telah menurun dengan begitu banyak dari 12 peratus dalam tahun 1981 kepada satu peratus saja tahun 1985.

Negara-negara Timur Jauh sudah tentu tidak dapat lari daripada masalah ekonomi khususnya bertambahnya sekatan - sekatan perdagangan yang dikenakan ke atas mereka.

Encik Robin menegaskan keadaan ini tidak menguntungkan mana-mana pihak kerana negara - negara Asia khususnya negara - negara Timur Jauh telah dapat membuktikan kestabilan ekonomi mereka.

"Kami sebagai negara berpandangan Barat tidak ragu - ragu lagi harus belajar daripada nasihat - nasihat yang diberikan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir supaya pandang ke Timur berdasarkan kepada kejayaan ekonomi di rantau Asia," ujar beliau.

Menurut Encik Robin, semua negara harus ingat bahawa kejayaan ekonomi sepenuhnya adalah berasaskan kepada perdagangan yang terbuka, persaingan dan usaha - usaha persendirian seperti yang disarankan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir.